



MEMBAIK pulih sungai termasuk mendalamkan dan melebarkan sungai adalah antara tugas penting JPS.

# JPS mantap seiring zaman

Kecuali semasa banjir, ramai di kalangan kita kurang menyedari peranan besar Jabatan Pengairan dan Saliran biarpun institusi itu telah banyak berjasa terhadap pembangunan ekonomi negara setelah 75 tahun ditubuhkan.

Oleh AMREE AHMAD  
amree@kosmo.com.my

**B**ARANG kali tidak ramai tahu, ketika seluruh negara sibuk meraikan 1 Januari lalu sebagai permulaan Tahun Melawat Malaysia 2007, sebuah jabatan kerajaan turut menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-75.

Namun bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), biarpun sudah berusia jubli intan, peranan agensi itu kurang diketahui masyarakat dan hanya menjadi tumpuan ramai sewaktu berlaku banjir kilat di bandar besar.

Ketua Pengarahnya, Datuk Paduka Ir. Keizrul Abdullah dalam pertemuan

eksklusif bersama *KOSMO!* di pejabatnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini mendedahkan, fungsi JPS lebih daripada sekadar isu banjir atau yang berkaitan air.

"Ironi, masalah banjir menjadi cabaran terbesar JPS sepanjang 75 tahun penubuhannya. Malah isu banjir kilat yang sering melanda tanpa mengira tempat dan masa itu sebetulnya amat mencabar kewibawaan JPS," katanya.

Mengimbas pembentukan agensi itu yang sebelumnya dikenali dengan nama Jabatan Parit dan Tali Air (JPT), Keizrul memberitahu, JPS pada awal

kewujudannya pada 1932 lalu hanya sebagai 'penjaga' keharmonian sungai.

Dengan negara memiliki 150 sistem sungai meliputi 1,800 batang sungai yang panjang keseluruhannya kira-kira 38,000 kilometer, JPS menggalas misi mustahil apatah lagi mencapai sasaran sungai bersih menjelang 2015.

"Bayangkan kami diberi bajet sebanyak RM5.5 bilion untuk mengurus sumber air, lembangan sungai, risiko banjir dan zon pantai untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan yang jumlahnya dua kali ganda berbanding

Rancangan Malaysia Kelapan.

"Ini menunjukkan kerajaan mengiktiraf peranan JPS yang semakin penting tetapi turut membawa maksud tersirat; pencemaran sumber air meningkat 100 peratus berbanding lima tahun sebelum itu," katanya

Jika bukan kes banjir besar, nilai kerosakan akibat banjir biasa juga adalah tinggi iaitu kira-kira RM915 juta setahun yang melibatkan lebih sembilan peratus daripada jumlah keluasan tanah di negara ini.

Namun selain faktor pembangunan tidak terkawal di sepanjang sungai, isu banjir juga sebenarnya disumbangkan oleh taburan hujan luar biasa melebihi purata tahunan 3,000 milimeter akibat



MASALAH banjir turut ditangani oleh JPS.



JPS kini menggalas misi mencapai sasaran sungai bersih menjelang 2015.

fenomena cuaca sejagat.

Justeru, Keizrul yang menerajui JPS sejak 1997 mengubah fokus kerja dalam menangani pasca banjir iaitu daripada sekadar melebarkan sungai untuk menampung air larian lebihan hujan kepada mengekang punca awal.

Hasil lampias minda bersama jurutera JPS, mereka mula memperkenalkan Manual Saliran Mesra Alam (Masma) pada 2001, kaedah teknikal kawalan banjir di punca pada program perancangan pembangunan di zon risiko.

"Ramai pemaju berkata, kos Masma mahal, walhal ia lebih murah dan dapat dilihat pada projek perintis di kampus Universiti Sains Malaysia di Transkrian, Nibong Tebal... kaedah biasa lebih tinggi kosnya," ujarnya.

Berbanding teknik perparitan konkrit yang bukan sahaja bahaya dan tidak mesra alam, Masma mampu mengekang kejadian banjir daripada awal, selain memelihara tahap kebersihan dan mengindahkan kawasan sekitar.


Bahkan di samping tahan lasak, parit Masma jauh berbeza daripada sistem saliran biasa yang direka bentuk untuk menampung hujan lebat sehingga 10 tahun dan 100 tahun bagi saliran utama parit perbandaran.

Akhirnya pada 18 Disember 2006, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid meletakkan Masma di bawah akta khas untuk semua projek pembangunan baru secara menyeluruh.

"Jika semua projek perumahan dan perbandaran mengguna pakai Masma, Insya-Allah saya yakin penduduk tidak



TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak memeriksa kerja pembinaan Rancangan Pengairan Muda di Kedah pada 1968.



BANJIR besar melanda Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka).

perlu lagi berasa risau mengenai banjir kilat apabila hujan lebat turun tanpa henti," jelas Keizrul.

Menyentuh mengenai aspek kurang penguatkuasaan terhadap pengotor sungai, beliau nyata tidak begitu gemar dengan tindakan menghukum pesalah, namun lebih kepada pendidikan berterusan dan pencegahan awal.

Di sebalik JPS sendiri tiada sebarang kuasa dalam isu itu kerana

penguatkuasaan terletak di bawah bidang tugas pihak berkuasa tempatan, Keizrul mahu rakyat mendisiplinkan diri mencintai sungai.

"Secara jujur, JPS tiada masa untuk meletakkan banyak anggota penguat kuasa di sepanjang sungai semata-mata bagi memastikan sungai kita bersih tetapi kami ada cara sendiri untuk mendidik masyarakat," katanya.

Dengan 97 peratus sumber air minuman kita diperoleh dari sungai,

peranan JPS merupakan barisan hadapan dalam usaha pembangunan ekonomi negara, selain tugas mengawal banjir, hakisan dan pengairan pertanian.

Meskipun Kempen Cintailah Sungai Kita dilancarkan sejak 1992 belum lagi mencapai matlamat, Keizrul yakin JPS akan mampu menanganinya dengan baik dalam jangka masa panjang, di sebalik pelbagai masalah yang timbul.